

Cagamas terbit CMTN RM300 juta

KUALA LUMPUR - Cagamas Bhd. (Cagamas) memuktamadkan terbitan Nota Jangka Sederhana Konvensional (CMTN) lima tahun berjumlah sehingga RM300 juta di bawah Program Nota Jangka Sederhana syarikat bernilai RM40 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Chung Chee Leong (**gambar**) berkata, hasil daripada terbitan itu akan digunakan untuk membiayai pembelian pinjaman perumahan



daripada sistem kewangan.

"Meskipun Dana Persekutuan Amerika Syarikat telah meningkat sebanyak 25 mata asas pada pertengahan Disember lalu, selain jangkaan pasaran domestik terhadap potensi kenaikan mendadak dalam Kadar

Dasar Semalam, bon konvensional lima tahun ini dinilaikan pada kadar kompetitif iaitu 4.25 peratus.

"Ia mewakili 64 mata asas melebihi penanda aras Sekuriti Kerajaan Malaysia selama lima tahun," katanya.

ya dalam satu kenyataan akhbar disini baru-baru ini.

Chee Leong memaklumkan, syarikat perbadanan gadai janji nasional itu telah menerbitkan sebanyak 23 terbitan bagi tahun 2017 termasuk terbitan mata wang asing dengan jumlah keseluruhan RM15.3 bilion.

"Jumlah itu adalah dua kali ganda lebih tinggi berbanding 2016.

"Melangkah ke tahun 2018, kami terus kekal positif dan bersedia menuhi peranan sebagai perantara bagi pasaran modal dan sektor perumahan," jelasnya.